

PERBARISAN BULANAN KOMANDER PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2830-perbarisan-bulanan-komander-pangkalan-udara-gong-kedak-](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2830-perbarisan-bulanan-komander-pangkalan-udara-gong-kedak)

2

GONG KEDAK, 27 Dis 17 – Perbarisan Bulanan Komander Pangkalan telah diadakan di Dewan Serbaguna Pangkalan Udara Gong Kedak. Perbarisan telah dihadiri seramai 50 pegawai, 310 anggota lain-lain pangkat dan kakitangan awam yang diketuai oleh Mej Jamil bin Awang TUDM.

Dalam majlis tersebut, Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM telah menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat kepada pegawai dan anggota lain-lain pangkat (LLP) serta Penyampaian Anugerah Khidmat Terpuji.

Upacara pemakaian pangkat terdiri daripada 2 pegawai dan 4 anggota LLP iaitu Lt M Muhammad Faiz bin Dzafullah TUDM dan Lt M Nor Syazwani binti Jamaludin TUDM dinaikkan ke pangkat Leftenan TUDM, F/Sjn Saiful Shawal bin Ibrahim dinaikkan ke pangkat Pemangku Pegawai Waran II, Sjn U Mohamad Rahimi bin Hamzah ke pangkat Pemangku Flait Sarjan manakala Kpl U Muhammad Anuar bin Juhari dan Kpl U Ahmad Rafi bin Jusoh dinaikkan ke pangkat Pemangku Sarjan Udara.

Manakala bagi Anugerah Khidmat Terpuji telah diberikan kepada Mej Khairul Ikhwan bin Hj Md Yusof TUDM dari No 11 Skn, Sjn U Mazlan bin bin Yaacob dan LU Mohd Farhan bin Jamal Arshad dari Cawang Provos. Ketiga-tiga mereka telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan profesional serta telah menyelamatkan nyawa serta juga aset Negara.

Dalam ucapan Komander Pangkalan, beliau menitikberatkan aspek keselamatan penerbangan bagi setiap latihan dan operasi yang dijalankan dan keselamatan anggota serta aset-aset Negara supaya sentiasa terpelihara dalam keadaan baik dan selamat.



Komander Pangkalan juga mengucapkan tahniah kepada pegawai dan anggota yang baru dinaikkan pangkat semoga dengan kenaikan pangkat ini akan memberi inspirasi pegawai dan anggota tersebut untuk terus berusaha gigih dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

